

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
KAWASAN : BERUAS

SOALAN :

YB DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status naik taraf jalan dari Damar Laut ke Tebok Yan, daerah Manjung, Perak. Kenapa kerja-kerja pembinaan nampak sudah berhenti dan kenapa rancangan naik taraf asal jalan 4 lorong (2 lorong sehala) telah diperkecilkan kepada 2 lorong (1 lorong sehala) sahaja.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini bagi Projek Naiktaraf Laluan FT60 Dari Damar Laut Ke Changkat Jering (Pakej 1 – Dari Batu Tiga Ke Segari) kemajuan terkini adalah sebanyak 67.0% dan dijangka siap pada 10 Februari 2020. Bagi Projek Naiktaraf Laluan FT60 Dari Damar Laut Ke Changkat Jering (Pakej 2A – Dari Segari Ke Tebok Yan) pula, kemajuan terkini adalah sebanyak 69.0% dan dijangka siap pada 28 Februari 2020. Kedua-dua projek ini mengalami sedikit kelewatan disebabkan oleh masalah pengambilan balik tanah serta masalah kelewatan pengalihan utiliti yang tidak dapat diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan. Namun begitu, pihak kontraktor akan menggandakan kerja-kerja di tapak bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan kos projek ini hanya boleh menampung pembinaan 4 lorong bagi jalan sepanjang 2.5km sahaja manakala selebihnya 2 lorong sepanjang 16km. Walau bagaimanapun, setelah kedua-dua projek ini siap sepenuhnya, jalan raya 2 lorong yang dinaiktaraf kepada piawai JKR R5 ini dapat menampung keperluan trafik pada tahap Level Of Services (LOS) B di mana dapat memberi keselesaan kepada pengguna jalan tersebut. Rizab jalan minima 40 meter juga telah disediakan sekiranya terdapat keperluan penambahan lorong pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.